



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN OPERASI *CROW SHARPSHOOTER (OPS CROSS MBSP)* 2022**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**13 OGOS 2022 (SABTU)  
7.30 PAGI**

**MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
BANDAR PERDA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam Majlis Perasmian Operasi *Crow Sharpshooter (OPS Cross MBSP)* 2022.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP, para peserta yang memegang Permit / Lesen Senjata Api dan semua hadirin dan hadirat kerana sudi meluangkan masa menghadiri Majlis Perasmian Operasi *Crow Sharpshooter (OPS Cross MBSP)* 2022 yang diadakan di Menara Bandaraya MBSP.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Isu lambakan burung gagak (*Corvus sp*) merupakan antara isu kacau ganggu yang sering diadu oleh penduduk Seberang Perai. Aduan

berhubung dengan kacau ganggu gagak meningkat daripada 120 aduan pada tahun 2019 kepada 283 aduan pada tahun 2021. Gagak dianggap haiwan perosak disebabkan burung ini suka mencemari sesuatu kawasan dengan najis, menghasilkan gangguan bau, bunyi dan sebagainya.

Gagak mampu membiak dengan cepat jika tidak dikawal dan terdapat sumber makanan yang lumayan. Gagak menghasilkan bunyi yang kuat terutama apabila berkumpulan. Gagak memakan hasil pertanian tanaman makanan, buah-buahan, cacing, serangga, siput, telur burung lain, ikan, bangkai binatang yang dibunuhnya di jalanan. Burung gagak di kawasan bandar pula mempunyai tabiat menyelongkar tong-tong sampah dan kawasan pembuangan sampah untuk mencari makanan. Burung gagak juga mencemarkan kawasan-kawasan seperti taman permainan, taman rekreasi, pasar malam serta laluan pejalan kaki dan tempat parkir kereta dengan najis.

MBSP telah mengambil pelbagai langkah dan tindakan untuk membanteras dan mengawal limpahan populasi gagak di Seberang Perai. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP, menerusi Prosedur Operasi Standard dan Pelan Tindakan Pencegahan dan Kawalan Kacau Ganggu Gagak (PeTeGak) menggunakan dua (2) kaedah kawalan gagak sedia ada:-

1. *Crow Abundance Mapping (CrAM)* – Analisis aduan dan tinjauan lokaliti secara *walk-through* setiap tahun bagi mengenalpasti kawasan *hotspot* lambakan gagak untuk keutamaan tindakan.
2. Aktiviti Kawalan Rutin yang terdiri daripada aktiviti menembak dua (2) kali setahun pada hari Sabtu, pemusnahan sarang dan pemasangan perangkap. MBSP mempunyai dua (2) pemegang lesen senjata api.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Keputusan untuk menganjurkan acara ini dibuat susulan tinjauan MBSP terhadap pelaksanaan yang berjaya oleh Pihak-Pihak Berkua Tempatan di seluruh negara dan tinjauan maklum balas awam atau *Program Interest Survey* yang memberangsangkan dengan 76% daripada 157 responden bersetuju untuk diadakan acara peringkat Seberang Perai. Tambahan, terdapat beberapa kajian atau *evidence-base* yang membuktikan strategi sebegini adalah pendekatan yang berkesan dalam mengawal populasi gagak dengan drastik. Kajian diterbitkan dalam *Journal of Wildlife Management* bertajuk "*Abundance and Projected Control of Invasive House Crows in Singapore*" menujukkan strategi tembakan secara

besar-besaran jika dibuat bersama-sama strategi lain (seperti pemusnahan sarang) adalah paling efektif.

Oleh itu, MBSP buat pertama kalinya menganjurkan acara menembak gagak yang dinamakan sebagai Operasi ‘*Crow Sharpshooter MBSP 2022*’ (*Ops Cross MBSP 2022*) bermula tahun ini, sebagai salah satu inisiatif bagi mengurangkan populasi gagak di Seberang Perai. Acara menembak gagak yang melibatkan penyertaan orang awam berlesen dan telah mendapat permit kelulusan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang. Acara ini juga akan dijadikan acara tahunan.

Operasi ini akan dilaksanakan dalam tiga (3) edisi, di mana setiap edisi akan dijalankan di setiap daerah di Seberang Perai dengan tumpuan utama di *hotspot* setiap daerah. Hari ini merupakan edisi pertama operasi menembak gagak di Seberang Perai Tengah, manakala pada 24 September 2022, operasi akan dijalankan di Seberang Perai Utara dan seterusnya di Seberang Perai Selatan pada 15 Oktober 2022.

Untuk edisi pertama ini, MBSP meletakkan sasaran tembakan sebanyak 5,000 ekor gagak. Sebagai insentif, MBSP menawarkan bayaran RM5.00 bagi setiap ekor gagak yang berjaya ditembak serta juga Trofi

Anugerah Penembak Terbaik per edisi dan Trofi *The Crow Sharpshooter* kepada penembak terbaik keseluruhan bagi semua edisi.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan burung gagak berkait rapat dengan isu kebersihan. Oleh itu, saya ingin sarankan agar masyarakat setempat, termasuklah gologan peniaga restoran, kedai makan dan gerai untuk mengamalkan sikap menjaga kebersihan seperti membuang sampah dalam tong sampah bertutup demi mengurangkan populasi gagak di kawasan kediaman penduduk masing-masing.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak pengajur dan semua pihak yang menjayakan program dan menjadikan satu kenyataan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir, di atas kesudian meluangkan masa untuk menyertai acara kita pada hari ini.

Saya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan Operasi *Crow Sharpshooter (OPS Cross MBSP) 2022*.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,***  
***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***  
**Terima Kasih.**